



# Subjek Sejarah dipandang sepi

Penuntut sering anggap remeh, perlu sentiasa semai semarak kecintaan pada negara

Pemah rasa subjek Sejarah tak penting dan remeh? Jika itu yang kamu rasa, patut set semula minda kerana salah tanggapan tersebut perlu diperbetulkan sama sekali.

Belajar sejarah melatih kita kemahiran penting iaitu keupayaan mengenal pasti sebab musabab kepada satu-satu situasi, menganalisisnya dan menjadikannya sebagai panduan untuk tindak tanduk kita seterusnya.

Contoh mudah, cuba bayangkan kita sendiri tidak mengetahui latar belakang dan salasilah sendiri, apa akan jadi pada institusi dan sistem keluarga? Silap hari bulan ter'kahwin' dengan anak, ibu atau bapa saudara sendiri.

Betapa penting untuk belajar daripada sejarah-sejarah negara luar seperti Palestin yang dulunya aman, sekarang terpaksa merusuh untuk mendapatkan hak sendiri di tanah air mereka!

Belajar juga bagaimana negara yang didatangi terlalu ramai warga asing akhirnya menyebabkan ia bak 'dijajah'.

Tidak mustahil jika kita pun tidak mengambil iktibar daripada itu, tambahan dengan kebanjiran warga asing seperti Indonesia, Bangladesh, Myanmar dan pelbagai negara lagi, negara yang kita cintai ini juga bakal terkesan.

Sejarah negara kita sendiri sudah mencatatkan bagaimana jerih payah datuk moyang kita terdahulu untuk menuntut kemerdekaan dan bebas daripada taklukan penjajah. Adakah kita tidak mengambil pengajaran?

Apakah kamu fikir, kita ini sekuat perjuangan orang-orang lama dahulu, sedangkan sekarang ramai dibuai mimpi untuk mengejar materialisme?

Maka dengan memahami perkara berlaku sebelumnya kita sedang bergerak pada satu-satu masa dengan berbekalkan



Sebahagian penuntut dan tetamu yang hadir pada Simposium Polemik Sejarah Malaysia.

sampel perlakuan sudah terjadi di dalam sejarah sebelumnya dan tidak mustahil boleh mengambil pengajaran daripada apa sudah berlaku untuk menjadi lebih baik.

## Contohi Amerika

Pakar bidang warisan dari Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Dr Hashim Musa berkata, sebagai 'orang sejarah' sudah tentulah harapannya supaya subjek Sejarah ini diwajibkan dan diluluskan.

Menurutnya, pengalaman berada di negara barat yang dikatakan mempunyai

tamadun tinggi seperti Amerika Syarikat, membolehkannya melihat betapa perlunya subjek Sejarah dipelajari.

Menurutnya, beliau sendiri sebagai orang luar, diwajibkan mempelajari sejarah Amerika ketika tinggal di sana.

"Kalau hendak dibandingkan rakyat Amerika itu, mereka sangat cinta dan sayang pada negara. Mengapa... kerana disemaikan dengan semangat kecintaan pada negara dan tahu sejarah negara.

"Jika dilihat, tiap-tiap rumah di sana mesti ada bendera Amerika. Begitu bangga mereka dengan negara mereka. Mengapa demikian? Patutlah Amerika itu dibanggakan, kerana peradabannya tinggi, mempunyai sistem yang baik. Rakyat kita boleh tak merasai perkara sama demikian?" soalnya.

Beliau yang juga salah seorang panel Simposium Polemik Sejarah Malaysia yang berlangsung di Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audio Visual Negara (PPAV), Arkib Negara Malaysia, berkata demikian ketika ditemui selepas majlis tersebut, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hashim berkata, pemerintah negara Uncle Sam juga mementingkan pengajaran dan pembelajaran sejarah negara apabila menetapkan subjek Sejarah dan Geografi Amerika wajib dipelajari.

"Sebab itu rakyat Amerika tahu dan berbangga dengan negara sendiri. Setiap kali hari kemerdekaan mereka, ia akan disambut sebulan di sekolah, kolej dari segi seminarnya, simposium, stage show dan sebagainya

(diadakan). Sememangnya kita pun mesti buat perkara sama.

"Apa pun saya bangga melihat selalunya pihak sekolah di negara kita juga ada kesedaran di situ. Cuma di institusi pengajian tinggi (IPT) ini kurang sedikit. Tapi (tidak membimbangkan kerana) penuntut IPT pun hasil pendidikan di sekolah. Apa pun masih ada penyampaian itu," katanya.

Ditanya harapannya terhadap sistem pendidikan berhubung kepentingan pelajar dan penuntut tahu polemik dan sejarah negara, supaya pemahaman dan rasa bangga sama seperti rakyat Amerika, menurutnya justeru amat penting untuk menyemai semangat cinta dan bangga kepada negara.

Menurutnya, kita perlu membina semula semangat kenegaraan dan kekuatan kita, khususnya melalui mata pelajaran Sejarah, kerana menyifatkan kebiasaannya orang akan berbangga bila negaranya boleh dibanggakan.

Semangat ini perlu dibina sehingga mereka rasa tidak akan mahu berpindah ke negara lain.

"Saya pernah buat kajian terhadap 100 penuntut Bahasa Melayu tentang patriotisme pada tiga ke empat tahun lalu dan fokus kepada pelajar UPM. Saya tanya soalan, 'adakah anda berbangga dengan negara anda dan jika diberi peluang adakah akan berhijrah ke negara lain'. Daripada 100 penuntut itu, hanya seorang sahaja yang tidak berbangga.

"Maknanya hampir semua penuntut di IPT ini memang cakna sejarah dan rasa sayang pada negara. Mereka merasakan mereka



Semangat kecintaan terhadap negara perlu disemai terutama dalam kalangan siswa IPT.